

Teruja nukilan terbit di akhbar

MUHAMAD Mat Yakim dilahirkan 41 tahun lalu di Kampung Lobak, Kulim, Kedah. Minatnya dalam bidang kewartawanan dan penulisan dicituskan daripada kegemaran membaca ruangan Helo Helo Sayang dalam akhbar Bacaria dikendalikan idola yang kemudian menjadi sifunya, Datuk Abd Jalil Ali atau Boonlert Pratchai ketika dia di bangku sekolah rendah pada 1982.

Apabila menyambung pengajian menengah di Kolej Sultan Abdul Hamid (KSAH), Alor Setar, Muhamad diberi amanah untuk kendalikan terbitan bulanan Warta Kolej selain menjadi Ketua Pengarang Darul Aman untuk majalah tahunan KSAH pada 1990, 45 tahun selepas Tun Dr. Mahathir Mohamad memegang jawatan yang sama.

Berkeputusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Komunikasi dari Universiti Putra Malaysia (UPM), dia teruja apabila hasil tulisannya pertama kali mendapat tempat di dada akhbar pada 1994. Ketika itu dia baru memulakan kariernya sebagai pemberita di akhbar mingguan Warta Perdana.

Muhamad menyertai Kumpulan Media Karangkraf pada 2003 sebagai wartawan kanan Akhbar Bacaria. Pada 2007 dia menulis pojok Sembang Lelaki iaitu salah satu ruangan paling popular dalam Minggu Wanita.

Dengan pengalaman selama hampir 20 tahun dalam bidang kewartawanan, dia kini diberi tanggungjawab selaku Timbalan Pengarang Berita Akhbar Sinar Harian selain sebagai kolumnis ruangan pojok Kelab 40 yang disiarkan pada setiap Jumaat.

ADUHAI ISTERI merupakan buku keduanya bersama Grup Buku Karangkraf selepas ADUHAI SUAMI diterbitkan pada 2008.

Muhamad menjalani kehidupan bahagiannya bersama isteri Ana Hamzah dan empat cahaya mata, Ain Farhana, Amin Nasrin, Amir Farhan dan Aliff Zafran.

Antara tajuk yang buat anda tersenyum adalah Henti Buli Isteri, Demi Mata Lelaki, Abah Tak Pening Ada Isteri Dua dan banyak lagi.



Muhammad gemar menggunakan perkataan-perkataan 'double meaning' dan analogi, maksudnya masih boleh dibaca dan isi matlamatnya sampai ke